

22 NOV 2001

Agong-Penghormatan

JENAZAH ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN DIBERI PENGHORMATAN PENUH KETENTERAAN

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Jenazah Yang di-Pertuan Agong ke-11, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, hari ini diberi penghormatan penuh ketenteraan di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad di sini dalam satu istiadat pengiringan jenazah dari Istana Negara.

Penghormatan penuh itu diberikan oleh perbarisan kehormat terdiri daripada 112 anggota dan lapan pegawai Batalion 1, Regimen Askar Melayu diRaja diketuai oleh Mejar Hamdan Musa.

Yang di-Pertuan Agong ialah panglima tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Jenazah Seri Paduka tiba di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad bersebelahan dengan Dataran Merdeka pada 11.55 pagi.

Tepat pukul 12.30 tengah hari jenazahnya diangkat daripada pedati diRaja dan diusung oleh 12 anggota daripada ketiga-tiga cabang ATM ke dalam kenderaan jenazah diRaja untuk dibawa ke Istana Alam Shah.

Selesai jenazah Seri Paduka ditempatkan di dalam kenderaan jenazah diRaja, lagu "Negaraku" dimainkan oleh pancaragam ATM sebelum kenderaan bergerak secara perlahan-lahan meninggalkan kawasan Dataran Merdeka menuju ke Klang.

Turut mengiringi jenazah Almarhum ialah Raja Permasirui Agong Tuanku Siti Aishah serta Pemangku Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin serta Raja Permaisuri Terengganu Nur Zahirah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, anggota jemaah menteri serta orang kenamaan lain turut mengiringi jenazah Almarhum.

Orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat telah berkumpul di Dataran Merdeka sejak awal pagi untuk menyaksikan istiadat itu.

Selain itu, istiadat berkenaan disiarkan siaran langsung melalui RTM1 yang ditayangkan pada skrin besar di dataran itu.

Anggota polis berbaris di kedua-dua belah Jalan Raja berhadapan dengan Dataran Merdeka sejak 11 pagi.

Polis trafik menutup secara berperingkat-peringkat Jalan Raja dan Jalan Sultan Hishamuddin mulai 11 pagi bagi melancarkan istiadat pengiringan jenazah.

Pengiringan jenazah melalui Jalan Istana, Jalan Damansara dan Jalan Sultan Hishamuddin dan berakhir di Jalan Raja.

--BERNAMA

AT ZS NAK